

PANDUAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Perniagaan berdaftar perlu memperbaharui perakuan pendaftaran perniagaan dengan mengemukakan Borang Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (BORANG A1).

Prosedur Pendaftaran

1. Lengkapkan Borang Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (BORANG A1)
2. Orang Yang Bertanggungjawab iaitu pemilik atau salah seorang rakan kongsi menandatangani Borang A1.
3. Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) iaitu pemilik atau rakan kongsi perlu mengemukakan permohonan di kaunter SSM atau secara online melalui perkhidmatan Ezbiz Online di laman web SSM di ezbiz.ssm.com.my.

Syarat

1. Pemilik atau Orang Yang Bertanggungjawab sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan.
2. Sijil Perakuan Pendaftaran boleh **diperbaharui bila-bila masa sebelum tarikh luput pendaftaran** sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh luput pendaftaran.

Fi Pendaftaran

1. Perniagaan pemilikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30.00
2. Perniagaan pemilikan tunggal atau perniagaan perkongsian menggunakan nama tred - RM60.00
3. Pendaftaran cawangan – RM5.00 setiap cawangan
4. Cetakan Maklumat Perniagaan – RM10.00

Panduan Am

1. Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Perniagaan boleh dibuat bagi jangkamasa satu (1) tahun dan tidak melebihi lima (5) tahun.
2. Perakuan Pendaftaran Perniagaan boleh diperolehi dalam masa 15 minit selepas transaksi pembayaran dibuat di kaunter.
3. Pembaharuan pendaftaran perniagaan melalui Ezbiz Online dilakukan secara *auto approved*.
4. Seseorang yang meneruskan perjalanan sesuatu perniagaan selepas tamat tempoh pendaftaran adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran perniagaan 1956 dan jika disabit kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.